

UNTUK SIARAN SEGERA



**PEMBELAJARAN TANPA SEMPADAN: JELAJAH PEMBELAJARAN NTW 2025
MEMBAWA LATIHAN KEMAHIRAN PERCUMA KEPADA WILAYAH UTARA**

BAYAN LEPAS, 19 Jun 2025 – Jelajah Pembelajaran National Training Week (NTW) 2025 diteruskan di Pulau Pinang hari ini dengan membawa pelbagai latihan kemahiran percuma dan berimpak tinggi kepada komuniti setempat.

Jelajah Pembelajaran NTW 2025 Wilayah Utara yang dianjurkan oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp) dengan kerjasama Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. (PIC) di Raia Inn, di sini telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Steven Sim Chee Keong dan turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Menteri 2 Pulau Pinang, YB Jagdeep Singh Deo.

Program ini telah menghimpunkan lebih 600 peserta dari pelbagai komuniti termasuk pelajar sekolah, penjawat awam, golongan B40, orang kelainan upaya (OKU), ahli koperasi dan warga emas dengan matlamat untuk memperkasakan mereka dengan kemahiran praktikal, selari dengan keperluan tenaga kerja masa hadapan.

NTW 2025 Wilayah Utara ini menampilkan pelbagai program latihan seperti Pengekodan Robotik, Asas Kecerdasan Buatan (AI), Keselamatan Siber, Bantuan Kecemasan (AED), Kesedaran Kesihatan Mental, Undang-undang Koperasi untuk usahawan dan latihan kemahiran kreatif untuk golongan OKU seperti bengkel pembuatan tembikar dan solekan.

UNTUK SIARAN SEGERA

Inisiatif ini juga menyokong matlamat strategik Pelan Tindakan Pulau Pinang 2030 dalam membangunkan tenaga kerja yang berkemahiran, inklusif dan bersedia menghadapi masa depan. Kerjasama bersama PIC memperkukuh komitmen NTW dalam merangsang kerjasama awam-swasta untuk pembangunan modal insan tempatan.

Majlis perasmian NTW 2025 telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 14 Jun 2025 di Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur. NTW 2025 telah mencatatkan pencapaian luar biasa dengan merekodkan lebih 3.2 juta penyertaan, melebihi sasaran awal sebanyak 1 juta.

Lebih 71,000 kursus telah ditawarkan setakat ini di bawah tema 'Pembelajaran Tanpa Sempadan' yang mana di Wilayah Utara sahaja telah mencatat lebih 167,000 penyertaan dengan hampir 800 kursus yang ditawarkan di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

NTW 2025 akan berakhir pada 21 Jun 2025 dengan majlis penutup di Ipoh, Perak. Namun begitu, kursus yang ditawarkan akan kekal aktif secara digital sepanjang tahun ini, membolehkan rakyat Malaysia terus belajar mengikut kesesuaian masa masing-masing melalui portal NTW.

NTW 2025 merupakan inisiatif kemahiran utama Malaysia di bawah ASEAN Year of Skills (AYOS) 2025, yang mengukuhkan kerjasama serantau dalam pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan kemahiran.

Dalam memastikan usaha pembangunan kemahiran ini memberi impak yang lebih meluas, YB Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong turut mengumumkan dua inisiatif baharu ketika bercakap dengan media selepas majlis tersebut.

Pertama, pelaksanaan Program Dana Padanan Pembangunan Kemahiran melalui kerjasama strategik dengan Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA) di bawah Advanced Technology Meister Programme (ATMP) yang akan membantu industri tempatan meningkatkan kemahiran tenaga kerja dalam bidang teknologi termaju. Melalui inisiatif ini majikan boleh membangunkan program latihan bersama institusi pembelajaran pilihan mereka, dengan sokongan pembiayaan daripada HRD Corp melalui dana levi dan NCIA.

UNTUK SIARAN SEGERA

Kedua, pelaksanaan Inisiatif Latihan Impak Berfokus atau Focused Impact Training Initiative (FITI) khusus untuk komuniti nelayan di kawasan Pulau Pinang Selatan, yang bakal menyediakan latihan kemahiran dalam pelbagai bidang, termasuk Kursus Jurumudi, Penyelia Keselamatan Tapak, Aplikasi Komputer dan Pegawai Keselamatan kepada lebih 400 peserta.

“Objektif program ini adalah memastikan keluarga nelayan tidak terpinggir daripada peluang kemajuan ekonomi hasil pembangunan projek *Silicon Island*. Melalui latihan ini, kita berhasrat membantu komuniti memperoleh pekerjaan berimpak tinggi, meningkatkan pendapatan dan memperkukuh taraf sosio-ekonomi mereka,” jelas YB Steven Sim.

Majlis ini turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Strategi (Menanggung Tugas Ketua Eksekutif) HRD Corp, Dr. Rony Ambrose Gobilee; Ketua Pegawai Program HRD Corp merangkap Pengerusi NTW, En. Soffian Mohammed Amin; dan Ketua Pegawai Eksekutif PIC, Dato' Seri Hj. Farizan Darus.

Untuk maklumat lanjut tentang NTW 2025 dan mengakses pelbagai kursus percuma ini, sila layari portal NTW di www.nationaltrainingweek.gov.my

-Tamat-

UNTUK SIARAN SEGERA

Mengenai HRD Corp:

Human Resource Development Corporation (HRD Corp), dahulunya dikenali sebagai Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM), telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan kemudiannya diperbadankan sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui penggabungan Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001.

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), HRD Corp bertanggungjawab terhadap pungutan levi dari industri utama serta pengeluaran geran latihan melalui mekanik dalamannya, Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) atau Human Resources Development Fund (HRDF).

Penjenamaan semula HRD Corp pada 2021 merupakan cerminan tanggungjawab, hala tuju dan misi organisasi yang baharu. Ini termasuklah memperluas usaha peningkatan kemahiran dan kemahiran semula oleh majikan untuk para pekerja ke arah produktiviti yang lebih mapan.

Pembaharuan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada setiap individu warga Malaysia, malah turut memperkasakan komuniti yang memerlukan melalui peluang penjana pendapatan yang lebih inklusif.

Transformasi ini sejajar dengan cita-cita HRD Corp untuk memacu aspirasi pengembangan tenaga kerja negara yang berkemahiran tinggi untuk jangka panjang.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.hrdcorp.gov.my.